



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 2 MEI 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 2 Mei 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **2,698 kes** (383,140 kes kumulatif, 92.3%);
- Kes baharu : **3,418 kes** (415,012 kes kumulatif);
- Kes import : **10 kes** (1 warganegara dan 9 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **3,408 kes** [3,134 warganegara (92.0%); 274 bukan warganegara (8.0%)];
- Kes aktif : **30,339 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **345 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **175 kes**; dan
- Kes kematian : **12 kes** (1,533 kes kumulatif, 0.37%; 12 warganegara).

Pada hari ini, Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak **1,200 kes (35.1 peratus)**. Daripada jumlah ini, sebanyak **908 kes (75.7 peratus)** adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat kes positif COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh Sarawak sebanyak **587 kes (17.2 peratus)** dan Kelantan sebanyak **400 kes (11.7 peratus)**.

Sebanyak **enam (6) kes (0.2 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster di pusat tahanan yang membabitkan Kluster Pagar Sri Lalang.

Terdapat 12 kes kematian pada hari ini yang melibatkan tiga (3) kes di Kelantan, masing-masing dua (2) kes di Negeri Sembilan, Johor, dan Sarawak, serta masing-masing satu (1) kes di Perak, Selangor, dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kesemua kes kematian pada hari ini melibatkan warganegara. KKM mengucapkan takziah kepada ahli keluarga mereka.

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2**, manakala ringkasan kes kematian mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 3** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER

Berikut adalah maklumat terkini berkaitan kluster-kluster di Malaysia sehingga 2 Mei 2021:

1. Jumlah kluster : **1,680 kluster**;
2. Jumlah kluster baharu : **11 kluster**;
3. Jumlah kluster yang telah tamat : **1,284 kluster** (termasuk **10 kluster** yang tamat pada hari ini iaitu **Kluster Lorong Mulia, Kluster Jalan Alamanda, Kluster Jalan Padang, Kluster Taman Brick, Kluster Jalan Kemajuan, Kluster Jalan Suasana, Kluster Wakaf Chagak, Kluster Jalan Teluk Kumbar, Kluster Kampung Batu Lapan Lekir, dan Kluster Sungai Mupong**);
4. Jumlah kluster aktif : **396 kluster**;
5. Jumlah kluster dengan pertambahan kes baharu pada hari ini : **85 kluster**; dan
6. Kluster-kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi pada hari ini adalah **Kluster Saujana (153 kes), Kluster Sungai Duan (102 kes), dan Kluster Sungai Ranan (33 kes)**.

KLUSTER BAHARU

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **11 kluster baharu** yang telah dikenal pasti pada hari ini yang melibatkan lima (5) kluster komuniti, empat (4) kluster sektor pendidikan termasuk dua (2) kluster institusi pendidikan KPM, serta dua (2) kluster tempat kerja.

Perincian kluster-kluster baharu adalah seperti di **Lampiran 4** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

No.	Nama Kluster	Negeri	Kategori Kluster
1	Sungai Tengah	Sarawak	Komuniti
2	Sungai Sebemban	Sarawak	Komuniti
3	Sebujok	Sarawak	Komuniti
4	Jalan Sri Putri 12	Johor	Komuniti
5	Jalan Emas	Melaka	Komuniti
6	Sains Bakam	Sarawak	Institusi Pendidikan KPM
7	Kiara Jaya	Kedah	Institusi Pendidikan KPM
8	Jalan Junjong	Kedah	Pendidikan Tinggi
9	Limau Karangan	Kedah	Pendidikan Lain
10	Kasawari Sembilan	Selangor	Tempat Kerja
11	Persiaran Raja	Selangor	Tempat Kerja

SITUASI DAN MAKLUMAT TERKINI MENGENAI MUTASI “PROTEIN SPIKE” COVID-19 DI MALAYSIA

Susulan daripada penemuan 21 kes varian South African B.1.351 yang telah dilaporkan KKM dari bulan Januari sehingga Mac 2021, surveilan genomik COVID-19 terus dijalankan dan telah melibatkan lebih banyak sampel dari kebanyakan negeri di seluruh negara.

Terkini, melalui surveilan genomik yang dijalankan ke atas 59 sampel COVID-19 dari 24 April 2021 sehingga 2 Mei 2021, Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) telah mengenalpasti dan mengesahkan **30 lagi kes *Variant of Concern (VOC)* dan satu (1) kes *Variant of Interest (VOI)***. Ini merangkumi;

- **27 kes baharu** tempatan COVID-19 yang dijangkiti varian South African B.1.351;
- **Tiga (3) kes baharu** tempatan COVID-19 yang dijangkiti varian UK B.1.1.7; dan
- **Satu (1) kes import baharu** yang dijangkiti varian Indian B.1.617.1.

Pengesanan *Variant of Interest* (VOI)

i. Variant Indian B.1.617.1

Malaysia merekodkan **kes pertama kemasukan varian COVID-19 dari India, dengan mutasi berganda iaitu B.1.617.1**. Kes ini melibatkan dan mempunyai sejarah perjalanan ke Mumbai, India. Beliau telah **masuk ke Malaysia menggunakan pas pekerjaan pada 10 April 2021 dan dikesan positif COVID-19 di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) pada hari yang sama**. Kes dikenalpasti dijangkiti varian Indian B.1.617.1 hasil analisis jujukan genom penuh (WGS). Kes telah diasingkan dan sedang menerima rawatan.

Malaysia telah mengadakan **sekatan kemasukan pengembara bukan warganegara dari India**, dan melanjutkan tempoh kuarantin 14 hari kepada pengembara warganegara dari India **sejak 28 April 2021** berikutan penularan varian B.1.617.1 yang semakin membimbangkan.

Pengesanan *Variant of Concern* (VOC)

i. Varian South African B.1.351

Sehingga 2 Mei 2021, varian South African B.1.351 untuk pertama kalinya mula dikesan di Perak dan Kelantan melibatkan dua (2) kluster. Selain daripada itu, terdapat tujuh (7) kes lain dikesan di Selangor. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes tempatan COVID-19 varian South African B.1.351 adalah sebanyak **48 kes**.

Jadual 1: Ringkasan kes-kes COVID-19 dengan Varian South African B.1.351

	KES COVID-19	SARINGAN	VARIAN SOUTH AFRICAN B.1.351
Kluster Jalan Lima	57	447	4
Kluster Jalan Kebun Baru	1,116	1,585	9
Kluster Teknologi Emas	259	326	3
Kluster Jalan Canning Estate	251	693	10 kes baharu
Kluster Kampung Bunut Sarang Burung	190	332	10 kes baharu
Saringan Kontak Rapat	-	-	11 (7 kes baharu)
Punca masih dalam siasatan (Baru)	-	-	1
Jumlah			48 (27 kes baharu)

ii. Varian UK B. 1.1.7.

Terdapat pertambahan tiga (3) kes baharu tempatan COVID-19 yang dijangkiti varian UK B.1.1.7 yang telah dikesan di Selangor dan Sabah. Ini menjadikan jumlah kes yang dijangkiti varian UK B.1.1.7 sehingga kini adalah sebanyak **lapan (8) kes**.

Jadual 2: Ringkasan kes-kes COVID-19 dengan Varian UK B.1.1.7

	KES COVID-19	SARINGAN	VARIAN UK B.1.1.7
Kluster Lorong Megah Jaya	27	104	1 kes baharu
Saringan kontak rapat	-	-	2 kes baharu
Import (UAE, Poland, United Kingdom)	-	-	5
Jumlah			8 (3 kes baharu)

KKM melalui Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dan CPRC Kebangsaan akan sentiasa memantau perkembangan mutasi varian SARS-CoV-2 ini dan akan memaklumkan dari semasa ke semasa.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

Elakkan 3S: (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).

Amalkan 3W: (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**).

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

2 Mei 2021 @ 6.30 petang.

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 2 MEI 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	1,200 (1)	134,849
SABAH	115	58,315
JOHOR	213	45,900
WP KUALA LUMPUR	198 (2)	44,169
SARAWAK	587	31,691
PULAU PINANG	145	20,084
NEGERI SEMBILAN	73	18,912
PERAK	77	14,890
KELANTAN	400	14,674
KEDAH	101	10,136
MELAKA	61	7,489
PAHANG	45	5,270
TERENGGANU	184	4,419
WP LABUAN	7 (7)	2,463
WP PUTRAJAYA	8	1,383
PERLIS	4	368
JUMLAH KESELURUHAN	3,418 (10)	415,012

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

Perincian 3,418 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 2 Mei 2021 adalah seperti berikut:

- **Selangor: 1,200 kes**
 - 65 kes daripada kluster-kluster, termasuk lapan (8) kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Kasawari Sembilan dan Kluster Persiaran Raja**;
 - 843 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - Satu (1) kes import dari luar negara; dan
 - 291 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sarawak: 587 kes**
 - 213 kes daripada kluster-kluster, termasuk 35 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Sains Bakam, Kluster Sungai Tengah, Kluster Sungai Sebemban, dan Kluster Sebuajok**;
 - 315 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 59 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kelantan: 400 kes**
 - 36 kes daripada kluster-kluster sedia ada;

- 299 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 65 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Johor: 213 kes**
 - 72 kes daripada kluster-kluster, termasuk 12 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Sri Putri 12**;
 - 80 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 61 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 198 kes**
 - Lima (5) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 122 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - Dua (2) kes import dari luar negara; dan
 - 69 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Terengganu: 184 kes**
 - 176 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Tujuh (7) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pulau Pinang: 145 kes**
 - 18 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 59 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 68 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sabah: 115 kes**
 - 50 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 50 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 15 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kedah: 101 kes**
 - 58 kes daripada kluster-kluster, termasuk 26 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Junjong, Kluster Kiara Jaya, dan Kluster Limau Karangan**;
 - 29 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 14 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perak: 77 kes**
 - 22 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 36 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 19 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan: 73 kes**
 - 15 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 39 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 19 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Melaka: 61 kes**
 - 27 kes daripada kluster-kluster, termasuk satu (1) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Emas**;
 - 20 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 14 daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pahang: 43 kes**
 - Tiga (3) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 25 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 17 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Lapan (8) kes**
 - Enam (6) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Labuan: Tujuh (7) kes** import dari luar negara.

- **Perlis: Empat (4) kes** daripada kluster-kluster sedia ada;

LAMPIRAN 3

Ringkasan 12 kes kematian pada 2 Mei 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	Negeri	Jantina	Umur (Tahun)	Hospital	Latar Belakang
1522	Perak	Lelaki (WN)	63	Hospital Seri Manjung	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
1523	Kelantan	Perempuan (WN)	67	Hospital Tanah Merah	Penyakit kencing manis, darah tinggi, jantung, buah pinggang kronik, dan dislipidemia
1524	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	56	Hospital Segamat	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
1525	Johor	Lelaki (WN)	66	Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
1526	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	64	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Penyakit darah tinggi, strok, dan <i>Parkinsonism</i>
1527	Kelantan	Perempuan (WN)	81	Hospital Tanah Merah	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan tuberkulosis
1528	Sarawak	Perempuan (WN)	83	Jenazah dibawa ke Hospital Mukah	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
1529	Kelantan	Perempuan (WN)	83	Jenazah dibawa ke Hospital Pasir Mas	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
1530	Selangor	Lelaki (WN)	61	Hospital Kajang	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan obesiti
1531	Johor	Lelaki (WN)	73	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
1532	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	86	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan strok
1533	Sarawak	Perempuan (WN)	89	Hospital Sibu	Penyakit kencing manis, darah tinggi <i>rheumatoid arthritis</i> , dan jantung

*WN merujuk kepada warganegara

LAMPIRAN 4

Perincian 11 kluster baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:

1. KLUSTER SUNGAI TENGAH

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Bau dan Kuching di Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-392011) dilaporkan positif COVID-19 pada 25 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan sebuah majlis sosial yang berlangsung di Kampung Sagah, Sungai Tengah, Bau. Sehingga 2 Mei 2021, sejumlah 175 individu telah disaring, di mana **23 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

2. KLUSTER SUNGAI SEBEMBAN

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Bintulu di Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-394468) dilaporkan positif COVID-19 pada 26 April 2021 hasil saringan pra rawatan. Nama kluster ini merujuk kepada lokaliti di mana penularan kes-kes dilaporkan berlaku iaitu di Sungai Sebemban, Bintulu. Sehingga 2 Mei 2021, sejumlah 59 individu telah disaring, di mana **21 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

3. KLUSTER SEBUJOK

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Sri Aman dan Betong di Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-389327) dilaporkan positif COVID-19 pada 20 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster ini merujuk kepada lokaliti di mana penularan kes - kes dilaporkan berlaku iaitu di Sebuajok, Sri Aman. Sehingga 2 Mei 2021, sejumlah 163 individu telah disaring, di mana **15 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

4. KLUSTER JALAN SRI PUTRI 12

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Kulai di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-402990) dilaporkan positif COVID-19 pada 29 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster ini merujuk kepada lokaliti kediaman kes indeks yang terletak di Jalan Sri Putri 12, Taman Putri, Kulai. Sehingga 2 Mei 2021, sejumlah 27 individu telah disaring, di mana **13 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

5. KLUSTER JALAN EMAS

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Melaka Tengah di Melaka. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-359045) dilaporkan positif COVID-19 pada 10 April 2021 hasil saringan

individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokaliti kediaman kes indeks yang terletak di Jalan Emas 9, Taman Kerjasama, Melaka Tengah. Sehingga 2 Mei 2021, sejumlah 115 individu telah disaring, di mana **10 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

6. KLUSTER SAINS BAKAM

Kluster institusi pendidikan KPM ini melibatkan daerah Miri di Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-378768) dilaporkan positif COVID-19 pada 20 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan pelajar-pelajar sebuah sekolah yang terletak di Jalan Bakam, Miri. Sehingga 2 Mei 2021, sejumlah 464 individu telah disaring, di mana **19 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

7. KLUSTER KIARA JAYA

Kluster institusi pendidikan KPM ini melibatkan daerah Kuala Muda di Kedah dan Titiwangsa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-394128) dilaporkan positif COVID-19 pada 26 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan kakitangan sebuah sekolah yang terletak di Taman Ria Jaya, Sungai Petani, Kuala Muda. Sehingga 2 Mei 2021, sejumlah 67 individu telah disaring, di mana **24 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

8. KLUSTER JALAN JUNJONG

Kluster pendidikan ini melibatkan daerah Kulim di Kedah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-411445) dilaporkan positif COVID-19 pada 1 Mei 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan kakitangan sebuah pusat pendidikan yang terletak di Jalan Junjong, Kulim. Sehingga 2 Mei 2021, sejumlah 72 individu telah disaring, di mana **16 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

9. KLUSTER LIMAU KARANGAN

Kluster pendidikan ini melibatkan daerah Kulim di Kedah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-404746) dilaporkan positif COVID-19 pada 29 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan kakitangan dan pelajar-pelajar sebuah pusat pendidikan yang terletak di Padang Limau, Karangan, Kulim. Sehingga 2 Mei 2021, sejumlah 14 individu telah disaring, di mana **tujuh (7) kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

10. KLUSTER KASAWARI SEMBILAN

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kuala Langat di Selangor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19

bermula pada 1 Mei 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan Kasawari, Batu 9 off Jalan Kampung Kebun Baru, Kuala Langat. Sehingga 2 Mei 2021, sejumlah 232 individu telah disaring, di mana **37 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

11. KLUSTER PERSIARAN RAJA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Klang di Selangor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 29 April 2021 hasil saringan bersasar kakitangan sebuah syarikat perkhidmatan yang terletak di Persiaran Raja Muda Musa, Pelabuhan Klang. Sehingga 2 Mei 2021, sejumlah 27 individu telah disaring, di mana **13 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.